

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

**PEKELILING PENDAFTAR**

---

**Bilangan 34 Tahun 2013**


**PENAMBAHBAIKAN JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM GRED 1  
HINGGA GRED 54 DIBAWAH SISTEM SARAAN MALAYSIA**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) Gred 1 hingga Gred 54 Di Bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM)

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan Malaysia melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 36 Tahun 2013 telah melaksanakan Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) Gred 1 hingga Gred 54 di Bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM).
3. Sehubungan itu, Universiti Teknologi MARA melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah UiTM ke-138 bertarikh 29 November 2013 telah meluluskan dan Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan ke-147 bertarikh 28 November 2013 telah memperaku Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) Gred 1 hingga Gred 54 Di Bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) untuk dilaksanakan di Universiti Teknologi MARA.



## PELAKSANAAN

### 4. Penambahbaikan Struktur JGMM

4.1 Struktur JGMM sedia ada ditambahbaik seperti berikut:

4.1.1 Penambahbaikan struktur gaji mengikut prinsip kadar upah mengikut kerja dan kelayakan masuk yang diperlukan, serta prinsip relativiti dan pariti.

4.1.2 Gaji maksimum tertentu dalam JGMM diperkemas bagi menampung prinsip penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat. Seterusnya, gaji maksimum ditambah sebanyak dua (2) Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) bagi membolehkan pegawai menikmati Pergerakan Gaji Tahunan (PGT).

4.1.3 Amaun gaji minimum dan maksimum dalam JGMM dibundarkan.

4.2 Penambahbaikan JGMM juga melibatkan:

4.2.1 Penyeragaman kod gaji A bagi skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif menggantikan kod gaji AA.

4.2.2 Pewujudan kod gaji DUF bagi skim perkhidmatan Pensyarah Farmasi.

4.2.3 Pewujudan kod gaji H bagi Klasifikasi Perkhidmatan Kemahiran menggantikan kod gaji R bagi Klasifikasi Perkhidmatan Mahir/ Separuh Mahir/ Tidak Mahir.

4.3 Pegawai Yang Layak:

4.3.1 Pegawai tetap, sementara, dan kontrak (*Contract of Service*) yang sedang berkhidmat di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) pada atau selepas 1 November 2013.

4.3.2 Pegawai yang dipinjam atau ditukar sementara ke agensi Kerajaan.

4.3.3 Pegawai yang dipinjamkan ke pertubuhan antarabangsa atau sektor swasta.

4.3.4 Pegawai yang cuti bergaji penuh, cuti separuh gaji dan cuti tanpa gaji.

4.3.5 Pegawai yang meninggal dunia pada atau selepas 1 November 2013. Perpindahan gaji pegawai adalah dibawah tanggungjawab Ketua Jabatan terakhir.

4.4 Pegawai Tidak Layak:

4.4.1 Pegawai yang masih berkhidmat di bawah saraan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet (JKK) 1976 atau Sistem Saraan Baru (SSB).

4.4.2 Pegawai yang berada dalam sistem saraan agensi diasingkan saraannya.

4.4.3 Pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman buang kerja yang berkuat kuasa pada atau sebelum 1 November 2013.

4.4.4 Pegawai yang bersara pada atau sebelum 1 November 2013.

4.4.5 Pegawai yang meninggal dunia sebelum 1 November 2013.

## **5 Prinsip dan Kaedah Pemindahan Gaji**

5.1 Gaji pegawai pada 31 Oktober 2013 akan dipindahkan sebagai amaun gaji yang sama dalam JGMM baru pada 1 November 2013.

5.2 Pegawai yang dipinjam atau ditukar sementara ke agensi Kerajaan, gaji hakiki pegawai hendaklah dipindahkan ke JGMM baru oleh Ketua Jabatan asal. Manakala, gaji jawatan peminjaman atau jawatan pertukaran sementara hendaklah dipindahkan ke JGMM baru oleh Ketua Jabatan di agensi peminjam.

5.3 Pegawai yang dipinjamkan ke pertubuhan antarabangsa atau sektor swasta, gaji hakiki pegawai hendaklah dipindahkan ke JGMM baru oleh Ketua Jabatan asal.

5.4 Pegawai yang cuti bergaji penuh, gaji hakiki pegawai hendaklah dipindahkan ke JGMM baru.

- 5.5 Pegawai yang cuti separuh gaji, gaji hakiki pegawai hendaklah dipindahkan ke JGMM baru serta dibayar separuh daripada gaji baru.
- 5.6 Pegawai yang cuti tanpa gaji, gaji hakiki pegawai hendaklah dipindahkan ke JGMM baru. Pegawai akan dibayar gaji baru apabila kembali bertugas.
- 5.7 Gaji Pegawai yang diluluskan gaji KUP oleh Bahagian Saraan, JPA, dan amaun gajinya berada dalam lingkungan JGMM yang baru maka pegawai tidak lagi diperutukan gaji KUP.
- 5.8 Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji dalam JGMM baru, pegawai masih kekal diperuntukkan gaji Khas Untuk Penyandang (KUP). Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan senarai pegawai yang kekal berada di gaji KUP mulai 1 November 2013 kepada Bahagian Saraan, JPA untuk pengesahan dan rekod.

## **6 Pergerakan Gaji Tahunan**

Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) bagi tahun 2014 adalah layak dipertimbangkan terhad kepada gaji maksimum dalam JGMM tertakluk kepada syarat dan peraturan yang berkuat kuasa.

## **7 Tarikh Pergerakan Gaji serta Elaun dan Kemudahan**

Pemberian pemindahan gaji ini tidak mengubah Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) pegawai serta syarat dan peraturan elaun dan kemudahan yang berkuatkuasa.

## **PEMBATALAN**

8. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini maka jadual gaji yang diperuntukan di bawah Pekeliling Pendaftar Bilangan 23 Tahun 2013 adalah terbatal.

**TARIKH DIKELUARKAN**

9 Pekeliling dikeluarkan pada **26 Disember 2013**

**TARIKH KUAT KUASA**

10 Pekeliling ini berkuat kuasa pada **1 November 2013**



**DR. HAJAH ZAHRAH MOKHTAR**

Pendaftar

*Dikelilingkan Kepada:*

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Dekan-Dekan Fakulti  
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

Bil. Fail : 100-BPD(UDG/PT.6/3)  
No Siri : 100-BPD(UDG/34/2013)